

# Faedah Kad Kenal Diri OKU

KOSMO 17/12/08 M15/2

SEREMBAN - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah memperkenalkan Kad Kenal Diri Orang Kurang Upaya (OKU) menggalakkan golongan itu mendaftar dengan JKJ bagi memudahkan OKU menerima bantuan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan Masyarakat negeri, Zainab Nasir memberitahu, seramai 11,636 orang OKU telah mendaftar dengan JKJ negeri ini sejak pendaftaran OKU dilaksanakan sehingga Ogos tahun ini.

Antara keistimewaan yang disediakan untuk pemegang kad ini termasuklah kejohanan sukan sendiri (paralimpik), kegiatan kesenian dan kebudayaan, kemudahan pendidikan, kemudahan akses bangunan awam, kemudahan dan galakan pelepasan cukai.

Kata Zainab, golongan berkenaan turut mendapat keistimewaan kemudahan pengangkutan awam, pengecualian bayaran perubatan, pengecualian bayaran dokumen perjalanan, kemudahan peluang pekerjaan, kemudahan membeli kereta dan motosikal nasional, pencen terbitan, kemudahan membeli alat ganti OKU, kemudahan Telekom dan sebagainya.